

14/03/1999

PM runding lantik Ketua Menteri

Halmi Samad; Abdul Karim Mustafa; Saidon Idris; Johnny Giles Senin
KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan mengkaji kesan pengundian di Sabah sebelum memutuskan calon Ketua Menteri yang baru.

Untuk itu, Dr Mahathir berkata, beliau akan berunding dengan semua pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) di negeri itu sebelum membuat keputusan muktamad.

"Saya akan runding dulu. Saya akan dapatkan pandangan pemimpin parti-parti komponen yang lain. Lepas itu, saya akan putuskan. Kita mesti ambil kira keputusan pengundian di Sabah.

"Buat masa ini, kita akan kekalkan sistem giliran (Ketua Menteri Sabah)," katanya ketika berbicara dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, secara lintas langsung melalui televisyen di Seri Perdana di sini malam tadi. Abdullah pula di Kota Kinabalu.

Perdana Menteri berkata demikian ketika mengulas kekalahan Ketua Menteri Sabah Tan Sri Bernard Dompok di Moyog. Dompok gagal mempertahankan kerusinya yang dimenangi pada pilihan raya 1994.

Pada pilihan raya kali ini, Datuk Clarence Bongkos Malakun dari Parti Bersatu Sabah (PBS) mendapat 10,870 untuk menang dengan majoriti 4,388 undi bagi mengalahkan Dompok yang meraih 6,482 undi.

Sementara itu di Kota Kinabalu, Abdullah berkata BN akan mengotakan janji penggiliran jawatan Ketua Menteri.

"Sebenarnya kita menjangka Dompok akan terus menjadi Ketua Menteri selepas pilihan raya, malangnya beliau kalah. Jadi kita akan buat keputusan siapa yang akan mengetuai kerajaan negeri," katanya.

Ditanya sama ada ia akan diputuskan sebelum majlis mengangkat sumpah esok, Abdullah berkata, BN akan membincangkan perkara berkenaan tetapi ia tidak akan mengambil tempoh lama.

Pada masa yang sama, Dr Mahathir berkata, beliau amat dukacita dengan kekalahan Dompok dan seorang lagi pemimpin parti komponen, Datuk Joseph Kurup kerana begitu mengharapakan kemenangan mereka.

"Bernard yang saya harapkan sangat akan dapat menang. Malangnya beliau tidak berjaya. Joseph Kurup seorang lagi pemimpin parti komponen pun saya harapkan akan menang.

"Tapi, saya harap mereka tidak kecewa. Sumbangan mereka tetap diperlukan di Sabah dan kepada Malaysia," katanya.

Menjawab satu soalan, Perdana Menteri berkata, beliau perlukan masa untuk mengkaji kesan kekalahan Bernard di Moyog kerana kedudukannya selaku Ketua Menteri.

"Dia pernah berkata dia ingin bersara daripada politik ketika di tengah-tengah kempen. Sebenarnya dia mesti fikirkan sepenuhnya apa yang hendak dipertahankan," katanya.

Begitupun, beliau gembira kerana peratusan sokongan untuk calon BN di kawasan yang penduduknya berbangsa Kadazandusun kian meningkat dengan ketara dalam pilihan raya kali ini, berbanding pada 1994.

Mengenai kemenangan calon Parti Bersatu Sabah (PBS) di sebahagian besar kawasan majoriti Bumiputera Bukan Islam, Abdullah berkata ia tidak menunjukkan masyarakat Kadazandusun menolak konsep BN.

"Sebenarnya apa yang kita lihat dalam pilihan raya negeri kali ini ialah sokongan masyarakat Kadazandusun terhadap BN semakin bertambah dan ia ditunjukkan melalui kemenangan calon BN di Kuala Penyu, Kemabong dan Ranau," katanya.

(END)